

TIKTOK DAN TREND MISTIK: PENYELEWENGAN AL-QURAN DALAM AMALAN TILIK TARIKH LAHIR

TIKTOK AND MYSTIC TRENDS: THE MISUSE OF THE QUR'AN IN THE PRACTICE OF BIRTH DATE DIVINATION

Muhammad Zulhusni Zaki^{1*}

Nur Liana Izzaty Rosli²

Mohammad Aizat Jamaluddin³

¹ Department Al-Quran dan Sunnah, University Sultan Zainal Abidin Gong Badak, Kuala Terengganu 21300, Terengganu, Malaysia (E-mail: muzuza1998@gmail.com)

² International Institute for Halal Research and Training (INHART), International Islamic University Malaysia, Gombak 53100, Kuala Lumpur, Malaysia (E-mail: lianosli3@gmail.com)

³ International Institute for Halal Research and Training (INHART), International Islamic University Malaysia, Gombak 53100, Kuala Lumpur, Malaysia (E-mail: mohdaizat@iium.edu.my)

*Corresponding author: muzuza1998@gmail.com

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Zaki, M. Z., Rosli, N. L. I., & Jamaluddin, M. A. (2025). TikTok dan trend mistik: Penyelewengan Al-Quran dalam amalan tilik tarikh lahir. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 388 – 399.

Abstrak: *Fenomena New Age Movement (NAM) kini semakin mendapat tempat dalam masyarakat global melalui medium digital, khususnya media sosial seperti TikTok. Di Malaysia, manifestasi gerakan ini tampil dalam bentuk yang lebih terselindung, antaranya melalui amalan tilik tarikh lahir yang didakwa bersandarkan kepada ayat-ayat Al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk meneliti tiga aspek utama: pertama, memahami asas ideologi dan latar falsafah gerakan NAM sebagai suatu bentuk spiritualiti pascamoden; kedua, menganalisis isu penyelewengan Al-Quran dalam konteks amalan tilik tarikh lahir yang semakin tular dalam kalangan pengguna media sosial tempatan; dan ketiga, mencadangkan garis panduan digital yang komprehensif kepada pengguna agar dapat menapis dan menilai kandungan yang berunsur mistik dan menyimpang daripada syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan serta tinjauan literatur terhadap kandungan TikTok, dokumen keagamaan dan wacana akademik berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya elemen sinkretisme dan manipulasi agama yang dilindungi di sebalik naratif motivasi serta "kerohanian Islamik", sekali gus membuka ruang kepada fahaman batil dan kerosakan akidah. Kajian ini menggariskan keperluan mendesak untuk membangunkan kerangka literasi media Islam yang boleh memperkasakan pengguna Muslim dalam mendepani gelombang spiritualiti digital yang mengelirukan.*

Kata kunci: *New Age Movement, Penyelewengan Agama, Sinkretisme Agama, TikTok, Tilik Tarikh Lahir*

Abstract: *The New Age Movement (NAM) phenomenon is now increasingly gaining ground in global society through digital media, especially social media such as TikTok. In Malaysia, the manifestation of this movement appears in a more covert form, among others through the practice of birth date fortune telling which is allegedly based on verses from the Quran. This study aims to examine three main aspects: first, to understand the ideological basis and philosophical background of the NAM movement as a form of postmodern spirituality; second, to analyze the issue of distortion of the Quran in the context of the practice of birth date fortune telling which is increasingly viral among local social media users; and third, to propose comprehensive digital guidelines for users to be able to filter and evaluate content that has mystical elements and deviates from the sharia. This study uses a qualitative approach through content analysis and literature review of TikTok content, religious documents and related academic discourse. The results of the study show that there are elements of syncretism and religious manipulation that are protected behind motivational narratives and "Islamic spirituality", thus opening up space for false beliefs and damage to the faith. This study outlines the urgent need to develop an Islamic media literacy framework that can empower Muslim users in facing the confusing wave of digital spirituality*

Keywords: *Birth Date Prediction, New Age Movement, Religious Perversion, Religious Syncretism, TikTok Application*

Pendahuluan

Al-Quran adalah Kalam Allah yang mengandungi mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab, yang dikurniakan ganjaran atas pembacaannya (al-Qattān, 2014). Al-Quran berperanan sebagai jalan petunjuk buat manusia terhadap segenap urusan kehidupan (al-Zurqānī, 2015). Dalam perihal mengambil manfaat daripada al-Quran, kaedah dan metodologi adalah sangat penting untuk diambil perhatian seperti yang diisyaratkan oleh al-Khālidi & al-Khālidi (2020). Ini bertujuan untuk menjaga kesucian makna al-Quran. Pada era digital globalisasi, cabaran semakin memuncak apabila penyebaran maklumat tanpa batas di media sosial seperti Tiktok. Antara trend yang muncul ialah menilik personaliti individu melalui per nomboran al-Quran. Amalan ini berkait rapat dengan ajaran *New Age Movement* yang telah dikritik oleh para ilmuwan Islam masa kini.

Istilah "*New Age*" sendiri sering dikaitkan dengan kepercayaan bahawa dunia sedang memasuki era astrologi baharu, iaitu Era Aquarius, yang dijangka membawa perubahan besar dari segi kesedaran rohani, keharmonian global, dan kebangkitan kesedaran diri manusia (O'Neil, 2001). Justeru, NAM dilihat bukan sekadar sebagai gerakan keagamaan alternatif, tetapi sebagai suatu bentuk ideologi yang mencabar struktur pemikiran moden dan agama konvensional dengan menekankan sifat holistik, individualistik, serta penolakan terhadap autoriti agama tradisional.

Fenomena *New Age Movement* (NAM) di Malaysia tidak hadir dalam bentuk yang identik dengan manifestasinya di Barat, sebaliknya ia menyesuaikan diri dengan latar sosio-budaya setempat melalui proses kontekstualisasi. Kajian-kajian awal mengenai spiritualiti alternatif di rantau Asia Tenggara menunjukkan bahawa unsur sinkretisme menjadi ciri utama, di mana unsur-unsur esoterisme global bercampur dengan amalan tradisional tempatan serta wacana Islam (Howell, 2005). Dalam konteks Malaysia, kehadiran NAM sering dilihat dalam bentuk kursus motivasi berunsur spiritual, rawatan alternatif yang mendakwa menggunakan "energi Quran" atau "frekuensi doa", serta amalan tilik nasib berasaskan tarikh lahir yang dihubungkan

dengan ayat-ayat al-Quran. Walaupun pada permukaan ia dipromosikan sebagai amalan pembangunan diri dan kerohanian, hakikatnya ia menampilkan ciri-ciri numerologi dan astrologi yang jelas bersumberkan ideologi NAM (Rahim, 2020).

Kebangkitan media sosial telah mempercepat penyebaran elemen-elemen NAM dalam kalangan masyarakat Malaysia, khususnya generasi muda. Platform seperti TikTok dan Instagram menjadi ruang popular untuk kandungan motivasi bercirikan mistik kerana formatnya yang pendek, visual, dan mudah dikongsi (Ahmad & Mohd Noor, 2022). Fenomena ini menjadi lebih kritikal apabila kandungan NAM dibalut dengan istilah-istilah Islamik, contohnya dakwaan bahawa setiap tarikh lahir mempunyai padanan dengan ayat tertentu dalam al-Quran yang kononnya boleh menentukan personaliti atau jalan hidup seseorang. Strategi ini bukan sahaja memberi legitimasi agama terhadap fahaman yang bercanggah dengan akidah, tetapi juga mengaburkan sempadan antara ajaran Islam sebenar dengan spiritualiti sinkretik (Zakaria & Ibrahim, 2021). Kajian mutakhir ini membuktikan Tiktok antara merupakan platform dominan dalam penyebaran maklumat termasuk ilmu agama. Ini berlaku kerana wujudnya interaksi antara pemilik akaun dan masyarakat. Platform ini juga mampu dimanfaatkan kerana memudahkan akses kepada maklumat agama tanpa menafikan wujudnya cabaran seperti penyebaran ilmu yang tidak sahih (Shaharizan & Zainol, 2024). Keperluan menyediakan satu garis panduan juga telah dibuktikan melalui kajian Ghazali & Adnan (2023) yang memperakui kewujudan cabaran dari platform ini.

Pernyataan Masalah

Kebangkitan media sosial sebagai medium komunikasi utama telah mencorakkan cara masyarakat moden memahami agama, spiritualiti, dan identiti diri. Platform seperti TikTok, dengan algoritma yang menekankan kandungan sensasi serta mesra visual, menjadi ruang subur untuk penyebaran fahaman alternatif yang bersifat mistik, sinkretik, dan bercanggah dengan prinsip Islam. Antara trend yang semakin mendapat perhatian ialah amalan tilik tarikh lahir menggunakan Al-Quran, yang mendakwa setiap individu mempunyai ayat khusus yang menentukan perwatakan, potensi hidup, atau rezeki mereka. Walaupun dikemukakan dalam bentuk motivasi dan pembangunan diri, amalan ini hakikatnya membawa ciri numerologi, ramalan nasib, dan manipulasi wahyu yang boleh menggugat kefahaman akidah masyarakat Muslim.

Fenomena ini sejajar dengan ideologi New Age Movement (NAM) yang menekankan spiritualiti pascamoden, gabungan mistik pelbagai budaya, serta konsep “energi” dan “kosmik” yang dipersembahkan dalam wajah Islamik. Di Malaysia, trend ini menimbulkan kekeliruan kerana ia menggunakan nama dan ayat Al-Quran sebagai alat legitimasi, sehingga sebahagian masyarakat awam menyangka ia sebahagian daripada ajaran Islam yang sahih. Lebih membimbangkan, ketiadaan garis panduan literasi media yang jelas menjadikan pengguna mudah terdedah kepada kandungan berbahaya yang menyamar sebagai “ilmu kerohanian Islamik”.

Jurang kajian wujud apabila isu ini masih kurang dibahaskan secara akademik, khususnya dalam konteks media sosial kontemporari dan implikasinya terhadap masyarakat Muslim Malaysia. Walaupun terdapat perbincangan umum mengenai penyelewengan agama dan kandungan palsu di media sosial, kajian khusus yang menghubungkan New Age Movement, penyelewengan Al-Quran melalui tilik tarikh lahir, dan ekosistem digital seperti TikTok masih terhad. Justeru, kajian ini penting untuk mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis

fenomena ini secara kritikal serta mencadangkan garis panduan yang dapat memperkasakan literasi digital Islam dalam kalangan pengguna.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif melalui kaedah Systematic Literature Review (SLR) yang disusun berlandaskan kerangka PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) bagi menjamin ketelusan dan kebolehulungan hasil kajian. Pendekatan ini dipilih kerana isu *New Age Movement* (NAM) serta fenomena penyelewengan Al-Quran dalam bentuk tilik tarikh lahir masih kurang diterokai secara mendalam, namun wujud dalam pelbagai sumber akademik dan popular yang memerlukan analisis kritikal serta sintesis yang sistematik.

Pencarian literatur dijalankan melalui pangkalan data *Google Scholar*, *Scopus*, dan *ResearchGate*, dengan fokus kepada artikel jurnal, laporan penyelidikan, serta dokumen rasmi yang diterbitkan bagi mencerminkan perkembangan terkini dalam konteks media digital.

Kriteria inklusi merangkumi artikel jurnal berwasiat dalam bahasa Inggeris atau Melayu yang membincangkan isu berkaitan spiritualiti digital, gerakan *New Age*, atau amalan manipulasi agama di Malaysia dan dunia Islam. Artikel yang dipilih dianalisis secara tematik menggunakan pendekatan induktif. Dapatan kajian kemudiannya dikategorikan kepada tiga domain utama: (i) ideologi dan falsafah *New Age Movement*, (ii) manifestasi isu penyelewengan agama di Malaysia, khususnya tilik tarikh lahir menggunakan Al-Quran, dan (iii) garis panduan literasi digital untuk pengguna Muslim dalam menilai kandungan mistik di TikTok. Proses analisis ini membolehkan sintesis wacana ilmiah yang lebih komprehensif, di samping menawarkan cadangan praktikal dalam menangani fenomena mistik digital di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Gerakan *New Age Movement*

Gerakan *New Age Movement* (NAM) merupakan salah satu fenomena spiritual kontemporari yang mula berkembang pesat di Barat sejak akhir 1960-an dan awal 1970-an. Kemunculannya sering dikaitkan dengan konteks sosial dan budaya pasca perang dunia serta arus kontra-budaya (*counterculture movement*) yang menolak nilai materialistik, rasionalistik, dan autoriti agama institusional, khususnya Kristian arus perdana (Heelas, 1996). NAM berakar daripada campuran tradisi esoterisme Barat seperti Gnostisisme, Hermetisisme, dan Theosofi, serta unsur agama Timur seperti Hindu, Buddha dan Taoisme yang memperkenalkan konsep karma, meditasi, reinkarnasi serta keseimbangan kosmik (Hanegraaff, 1996). Pada masa yang sama, psikologi moden, khususnya pemikiran Carl Jung tentang *collective unconscious* serta psikologi humanistik seperti Abraham Maslow dan Carl Rogers, turut menyumbang kepada gagasan bahawa manusia memiliki potensi rohani batiniah yang tidak terbatas dan dapat dicapai melalui *self-actualization* (Heelas, 1993; Sutcliffe & Gilhus, 2013).

Menjelang tahun 1980-an, NAM semakin berkembang dan memasuki ruang komersial serta budaya popular. Ia dapat diperhatikan melalui kemunculan industri *self-help* dan motivasi, penyebaran produk spiritual seperti kristal, aromaterapi dan tarot, serta penerbitan buku laris seperti *The Secret* yang memperkenalkan konsep “Law of Attraction” (Levin, 2022). NAM juga semakin mesra dengan perkembangan media, bermula dengan filem, muzik, dan buku popular, dan kini berkembang pesat melalui platform digital seperti Instagram, YouTube, dan TikTok.

Melalui medium ini, gagasan NAM sering dipermudah dan dipopularkan dalam bentuk video pendek, kata-kata motivasi, dan naratif *healing* yang mudah diakses khalayak muda.

Dalam konteks Asia Tenggara, khususnya Malaysia, fenomena ini menjadi semakin mencabar apabila unsur-unsur NAM diserap ke dalam naratif Islamik sehingga menghasilkan bentuk pseudo-spiritualiti yang seolah-olah sah menurut agama. Contohnya, wujudnya dakwaan bahawa tarikh lahir dapat ditafsir berdasarkan kod rahsia tertentu dalam al-Quran, atau bahawa ayat-ayat tertentu mempunyai “frekuensi” khusus yang boleh menentukan nasib seseorang. Amalan sebegini jelas membawa pengaruh daripada ideologi NAM yang bercampur dengan elemen esoterik, sekaligus mewujudkan bentuk sinkretisme yang berbahaya kepada kefahaman akidah (Aupers & Houtman, 2006).

Secara keseluruhan, NAM bukanlah sebuah agama formal tetapi sebuah fenomena budaya rohani global yang bercorak plural, sinkretik, dan fleksibel. Ia mencerminkan pencarian makna hidup dan kerohanian di luar kerangka agama wahyu, namun dalam masa yang sama menimbulkan ancaman terhadap keaslian tradisi agama, khususnya Islam. Perkembangannya di era digital menjadikan ia lebih kompleks dan sukar dikawal, justeru menuntut penelitian kritis untuk memastikan masyarakat tidak terjebak dalam bentuk penyelewengan spiritual yang berlapikkan naratif motivasi dan kerohanian popular.

Gerakan New Age Movement Di Malaysia

Dalam konteks akademik Malaysia, kajian mengenai NAM masih terhad, namun beberapa penyelidikan telah mengaitkan fenomena ini dengan cabaran akidah dan literasi digital. Misalnya, Hashim (2021) menekankan bahawa platform digital memperkukuh budaya “Islam segera” (*instant Islam*), iaitu bentuk keagamaan yang dipermudah dan sering dipengaruhi oleh unsur motivasi popular. Keadaan ini membuka ruang besar bagi infiltrasi ideologi NAM yang sering menyamar sebagai pembangunan diri Islamik. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk memperkukuh literasi media Islam dalam kalangan pengguna, agar mereka mampu membezakan antara kandungan autentik dengan naratif pseudo-spiritual yang memanipulasi wahyu.

Satu lagi aspek penting ialah sifat komodifikasi NAM dalam pasaran Malaysia. Unsur-unsur spiritual alternatif bukan sekadar diamalkan, tetapi dipasarkan melalui pakej kursus motivasi, sesi bimbingan individu (*life coaching*), serta jualan produk seperti batu kristal, minyak pati, atau “penyucian energi” yang dikaitkan dengan ayat-ayat tertentu. Menurut Kamarudin dan Musa (2019), bentuk komodifikasi spiritualiti ini memberi keuntungan ekonomi besar kepada penceramah dan pengamalnya, tetapi dalam masa yang sama menormalisasikan fahaman pseudo-Islamik dalam kalangan pengguna yang mencari penyelesaian cepat terhadap masalah kehidupan.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa NAM di Malaysia bergerak secara adaptif dengan menyerap unsur budaya tempatan, tetapi mengekalkan ciri-ciri globalnya seperti sinkretisme, komodifikasi, dan penolakan autoriti agama. Dalam era digital, fenomena ini semakin berakar melalui media sosial yang memberi ruang luas untuk penyebaran naratif motivasi berasaskan mistik. Walaupun kajian akademik tempatan masih terhad, dapatan awal mengesahkan bahawa fenomena NAM menimbulkan risiko serius terhadap kefahaman agama umat Islam, sekali gus menuntut analisis kritis dan intervensi melalui garis panduan literasi digital berasaskan Islam.

Perbincangan

Berdasarkan pemerhatian, amalan menilik personaliti individu ini pada peringkat awalnya dibuat dengan melihat kepada tarikh lahir. Pernomboran pada tarikh lahir itu kemudiannya disepadankan dengan nombor surah di dalam mushaf al-Quran dan nombor ayat. Berkesinambungan daripada proses ini, disimpulkan dengan makna ayat yang terkena pada per nomboran daripada tarikh lahir individu tertentu. Beberapa potongan video juga dimuat naik sebagai testimoni dan promosi terhadap amalan ini.

Kaedah Pernomboran Ayat al-Quran dan Kaitan Dengan Amalan Menilik Personaliti

Perihal mengaitkan per nomboran tarikh lahir dengan per nomboran ayat al-Quran di dalam mushaf dilihat sangat berkait rapat dengan disiplin ilmu *Fawāṣil*. Ilmu *Fawāṣil* adalah ilmu yang membahaskan keadaan ayat-ayat al-Quran dari segi bilangan ayat dalam setiap surah dan apa itu permulaan atau akhir ayat (al-Qudāt et al., 2001). Perbahasan disiplin ilmu ini akan menjelaskan bahawa per nomboran ayat secara keseluruhan di dalam mushaf adalah suatu perkara yang mempunyai ruang khilaf. Hal ini dapat dibuktikan dengan mazhab-mazhab yang dijelaskan dalam perbahasan ilmu *Fawāṣil*.

Jusoh (2021) menyatakan rumusan berkenaan dengan bilangan ayat al-Quran iaitu *Tauqīfī* sebanyak 95% dan *Ijtihādī* sebanyak 5%. Rumusan ini mengambil kira faktor waqaf Rasulullah SAW, kedudukan jumlah *Fāṣilah* pada setiap surah dari segi panjang dan pendek serta kedudukan huruf akhir pada kalimah seperti *Mad 'Iwaḍ* dan seumpamanya. Walaupun kebanyakan ayat dalam al-Quran, khilafnya hanya pada peratusan yang kecil, tetapi tetap juga memainkan peranan penting.

Dalam membicarakan perihal *Fawāṣil* atau pengiraan ayat, ia mempunyai beberapa mazhab. Sebagai gambaran, nuansa mazhab dalam ilmu *Fawāṣil* ini dapat dirumuskan oleh al-Dānī (1994) secara jelas melalui jumlah ayat al-Quran secara keseluruhan.

Metodologi amalan menilik personaliti ini juga dilihat tidak mempunyai sebarang *ḍawābiṭ* atau kayu ukur yang jelas dalam menetapkan mana-mana mazhab *Fawāṣil* dalam pengamalan tilikan ini. Penetapan amalan ini menggunakan satu mazhab *Fawāṣil* tertentu juga boleh menimbulkan kepincangan dari sudut keteguhan metodologi amalan ini dari sudut mazhab *Fawāṣil* yang lain pula. Hasilnya, apabila per nomboran ayat ini berbeza-beza daripada sudut pengiraan, maka kemungkinan berlakunya kelompongan dari sudut metodologi mengaitkan per nomboran tarikh lahir dengan per nomboran ayat al-Quran di dalam mushaf adalah juga tinggi.

Kaedah Pernomboran Ayat Dengan Kaedah Tafsir

Penafsiran al-Quran mempunyai metodologi tersendiri seperti yang digariskan oleh para ilmuwan dalam bidang ini (al-Khālidi & al-Khālidi, 2020). Antara metodologi yang asas dalam perihal tafsir termasuklah tafsir al-Quran dengan al-Quran, al-Sunnah, pandangan sahabat Nabi, pandangan *al-Tābi'īn*, bahasa Arab dan ijtihad.

Kaedah amalan menilik personaliti individu melalui per nomboran ayat al-Quran ini dilihat hanya boleh dikaitkan dengan kaedah keenam daripada semua kaedah tafsir melalui ijtihad. Al-Ṭayyār (2002) menyatakan bahawa parameter dalam perihal ini adalah keilmuan. Jika suatu pandangan dikeluarkan bagi pensabitan terhadap makna al-Quran tanpa keilmuan atau sandaran, maka ini dikirakan sebagai *Ijtihād Madhmūm* iaitu tercela.

Kemudian, amalan menilik personaliti individu melalui penomboran ayat al-Quran ini dilihat tidak dapat dikaitkan atau dilihat mempunyai persamaan disiplin ilmu yang sabit dalam agama. Justeru, perihal ini sangat perlu diberikan pemerhatian dan kecahnaan agar tidak terjerumus ke dalam *Ijtihād Madhmūm* kerana tidak didasari dengan disiplin ilmu. Perihal ini juga sangat sesuai dengan peringatan daripada Nabi SAW:

ومن قال في القرآن برأيه: فليتبوء مقعده من النار

Terjemahan: “Dan barangsiapa yang berkata tentang al-Quran dengan pandangannya, maka siaplah tempatnya di dalam neraka”.

(HR Tirmidhi, No. 2951)

Hal ini juga selari dengan pesanan daripada *athar* Masrūq yang dinukilkan oleh al-Qāsim bin Sallām (1995) supaya berwaspada dalam mentafsir al-Quran kerana ia dikira meriwayatkan sesuatu daripada Allah SWT.

Kaedah Penomboran Ayat Dengan Konteks Ayat

Inti kepada amalan menilik personaliti individu melalui penomboran ayat al-Quran ini adalah untuk mengekstrak penghayatan makna kepada kehidupan. Langkah ini sangat berkait rapat dengan tadabbur al-Quran. Pada asalnya, tujuan untuk tadabbur atau menghayati makna ayat al-Quran kepada kehidupan adalah suatu perkara yang terpuji dan salah satu tuntutan agama. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

أفلا يتدبرون القرآن أم على قلوب أقفالها

Terjemahan: “(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?”

(Muḥammad: 24)

Apabila diperhatikan, kaedah daripada amalan menilik personaliti individu melalui penomboran ayat al-Quran ini dilihat mempunyai kelompongan kerana ketidaktentuan dalam pengambilan konteks ayat. Secara umum, kebanyakan video Tiktok yang menampilkan amalan menilik ini tidak melibatkan kepada ayat tentang azab, sifat orang kafir atau seumpamanya. Maka, hal ini menjadikan titik yang tidak mempunyai kesinambungan dan menjadi kelompongan terhadap amalan ini. Jika wujudnya tarikh lahir yang berselari dengan ayat yang bercerita mengenai azab, ini tidak memberikan signifikan bahawa individu tersebut juga mempunyai sifat yang buruk.

Tambahan pula, sistem tarikh yang digunakan oleh masyarakat untuk merujuk kepada amalan ini adalah sistem Gregorian yang mempunyai kadar hari minimum 28 hari dan maksimum 31 hari (Longstaff, 2005). Perihal ini menjadikan kebarangkalian bagi amalan ini untuk mencecah kepada ayat yang melebihi angka 31 atau surah yang lebih daripada 31 dalam urutan mushaf menjadi sangat tipis. Bagi yang mengamalkan tilikan ini dengan formula tarikh lahir yang dirujuk kepada angka jujuk pula, kebarangkalian buat individu yang lahir pada tanggal 31 hari bulan pada mana-mana bulan adalah hampir kepada mustahil untuk mendapatkan sebarang keputusan. Hal ini adalah kebarangkalian yang besar terjadi kerana al-Quran mempunyai 30 jujuk.

Justeru, semua kebarangkalian yang terjadi ini bakal menghasilkan kelompongan dalam mengamalkan keseluruhan makna bagi ayat-ayat al-Quran. Bahkan sepatutnya semua ayat al-Quran perlu diambil manfaat tanpa unsur selektif. Hal ini dapat dilihat isyaratnya oleh al-Ghazālī (2020), yang menggesa supaya setiap ucapan dalam al-Quran perlu diambil perhatian. Al-Khālīdī (2003) juga menyatakan bahawa segala mesej dalam al-Quran akan dianggap ia disampaikan kepada alam khayalan semata-mata.

Cadangan Garis Panduan Perujukan Makna Ayat al-Quran di Platform Digital

Langkah-langkah induk buat masyarakat awam yang dicadangkan sebagai garis panduan termasuklah:

Bertanya Kepada Ahli Bidang

Apabila berbicara tentang suatu bidang, perujukan kepada ahli bidangnya adalah sebuah kemestian. Hal ini berdasarkan kepada saranan daripada firman Allah SWT:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan: “Maka bertanyalah kamu kepada AhluzZikri” jika kamu tidak mengetahui.”

(al-Anbiyā’ : 7)


Al-Qurṭubī (1964) ketika menghuraikan ayat ini, beliau menyebutkan tentang orang yang tidak mempunyai ilmu dalam kalangan orang awam perlu merujuk kepada ahli ilmu. Tidak boleh orang awam mengeluarkan pandangan dalam agama kerana kekurangannya dalam memahami nas agama sama ada untuk menghalalkan atau mengharamkan sesuatu.

Jika sesebuah amalan yang melibatkan al-Quran, tidak memiliki latar belakang pengajian al-Quran sama ada secara khusus atau umum, maka ini mampu menimbulkan kerisauan terhadap kredibiliti dalam perkongsiannya. Perihal latar belakang pengajian adalah sangat penting kerana memberikan autoriti dan kredibiliti untuk menyebarkan ilmu dan perkongsian kepada masyarakat.

Sebagai langkah praktikal untuk pengguna Tiktok yang lebih berfokus, akaun-akaun yang mempunyai latar belakang agama boleh dirujuk apabila mempunyai suatu perihal yang ingin dibahaskan dalam isu tertentu. Dalam konteks ini, isu al-Quran dan tafsirannya. Seseorang yang mempunyai latar belakang bermaksud pernah melalui proses menuntut ilmu secara tersusun dengan metodologi yang sahih sama ada secara formal atau tidak formal. Jika dibahaskan dalam bidang al-Quran, ia bererti seseorang yang pernah bertalaqqi dalam bidang ilmu tafsir, Qiraat dan seumpamanya. Perkara ini bakal menghasilkan suatu natijah yang lebih baik dalam perbahasan ilmiah.

Merujuk Kepada Tafsir Muktabar

Pengkaji mencadangkan kepada individu yang berada dalam bidang al-Quran untuk menuruti langkah-langkah yang dicadangkan oleh al-Khālīdī & al-Khālīdī (2020) seperti rajah 1:



Rajah 1: Kerangka Konsep Langkah Perujukan Tafsir

Bagi langkah pertama, dicadangkan untuk menggunakan tafsir ringkas seperti Tafsīr al-Jalālain, Tafsīr al-Wajīz dan seumpamanya. Kemudian pada langkah kedua, dicadangkan untuk menggunakan karya seperti Tafsīr al-Ṭabarī, Tafsīr Ibn Kathīr dan seumpamanya. Bagi langkah terakhir, dicadangkan untuk merujuk kembali kepada tafsir-tafsir yang telah disebutkan, kemudian disepadankan dengan kitab-kitab berkaitan sama ada dalam bidang aqidah atau fiqh untuk mendapat kesahihan.

Bagi individu atau masyarakat awam yang bukan dalam bidang al-Quran pula, antara langkah yang dicadangkan termasuklah merujuk kepada ahli bidang seperti yang telah diuraikan dalam noktah 1 dan atau merujuk kepada tafsir ringkas dan mudah seperti Tafsir Pimpinan al-Rahman terbitan JAKIM. Hal ini berikutan tafsir ini kerana mesra dengan bahasa Melayu, mudah difahami dan diperakui serta menjadi rujukan (Marzuki & Ahmad, 2023).

Semak Kesahihan Sebelum Sebar

Kesahihan maklumat adalah nilai tunjang dalam agama Islam. Demikian dapat dilihat daripada konsep Tabayyun yang diterapkan dalam al-Quran melalui firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَسْأَلُكُمْ
 Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengetahuinya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

(al-Hujurat: 6)

Tabayyun bererti mencari keterangan dan fakta daripada usulnya dan membawanya kepada keterangan yang zahir (Makkī bin Abī Ṭālīb, 2008). Hasilnya, agama Islam sangat menuntut umatnya untuk mengkaji dan memastikan kesahihan sesuatu perihal sebelum menyebarkan sesuatu. Tuntasnya, perlu dicermati suatu perkara sebelum tindakan seterusnya sama ada berpegang dengannya atau menyebarkannya dilaksanakan.

Kesimpulan

Amalan menilik personaliti melalui per nomboran ayat al-Quran ini dilihat sangat mirip dengan amalan menilik menggunakan belekan mushaf atau Garpu Tala. Menurut Ismail et al. (2021)

pula dilihat berasal daripada orang bukan Islam. Pernyataan ini dilihat mempunyai asas iaitu daripada ucapan al-Bughā & Mistū (1998):

ومن الناس من يستخبر بالقول بطريق أخرى، وهي أن يأخذ المصحف ويفتحه عفوا ثم ينظر إلى أولى سطر في الصحيفة الأولى، وبعضهم يعد سبع ورقات ثم سبعة أسطر ثم سبع كلمات، ثم يقرأ، فإن وجد آية تأمر بفعل شيء فعل، وإن وجد آية تنهى عن فعل شيء ترك الفعل، وهذه الاستخارة لا أصل لها في المريع ولم تنقل عن أحد من الأئمة أو العلماء، وهي مبنية على المصادفة والمخاطرة، والقول إنما أنزل كتاب هداية كما ذكرنا من قبل

Terjemahan: “Dan sebahagian manusia beristikharah dengan al-Quran menggunakan cara yang lain, iaitu dengan mengambil mushaf dan membukanya secara rawak. Kemudian dia melihat kepada baris yang pertama pada helaian pertama (daripada halaman yang dibelek secara rawak tadi). Begitu juga, mereka menghitung helaian yang ketujuh, kemudian baris yang ketujuh, kemudian kalimah yang ketujuh, lalu dibacakan. Jika didapati ada ayat yang menunjukkan arahan tertentu, maka akan dilakukan. Jika didapati ada ayat yang menunjukkan larangan tertentu, maka akan ditinggalkan perbuatan (dilaksanakan larangan) itu. Dan ini adalah istikharah yang tiada asal usulnya dari syarak dan tidak pernah dinukilkan daripada seorang pun imam atau ulama’. Malah, ia dibina atas asas kebetulan atau perasaan. Sedang al-Quran itu kitab yang diturunkan sebagai hidayah sepertimana yang kami telah sebutkan”.

Pernyataan ini menjadi asas yang sangat kuat untuk membantah perkaitan pernomboran ayat al-Quran dengan personaliti individu. Amalan menilik pernomboran ayat al-Quran lalu dikaitkan dengan identiti individu ini dilihat tidak mempunyai asas dari nas agama. Amalan ini juga tidak dapat dikaitkan dengan asas nombor ayat dalam al-Quran kerana tidak mempunyai kayu ukur yang jelas dan kaedah dalam ilmu *Fawāṣil*, ilmu Usul *Tafsīr* dan *Tafsīr* kepada ayat-ayat al-Quran. Justeru, kajian ini berkemungkinan menjadi sebagai garis panduan asas bagi masyarakat awam yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang al-Quran dan kepada pembuat kandungan di platform Tiktok yang sangat perlu bersedia dengan asas ilmu sebelum menyebarkan kepada masyarakat. Jika amalan ini tidak disekat atau dibendung, ia dikhuatiri bakal mempengaruhi masyarakat dari metodologi dan kefahaman sebenar masyarakat terhadap makna al-Quran. Dapatan kajian ini menunjuk dan mengesyorkan saranan kepada penyelidik pada masa hadapan untuk lebih mendalami dengan melibatkan sampel kajian dari pelbagai latar belakang demografi dan metodologi campuran untuk mendapatkan sudut pandang dan dimensi yang lebih mendalam terhadap pemahaman bagi isu ini.

Rujukan

- Ahmad, N., & Mohd Noor, N. (2022). Social Media and Religious Identity: The Case of Muslim Youth in Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 38(1), 45–62
- Al-Bughā, M. D., & Mistū, M. a.-D. D. (1998). Al-Wāḍiḥ fī 'Ulūm al-Qur'ān. *Dār al-Kalim al-Ṭayyib*.
- Al-Dānī, A. ' . U. b. S. (1994). Al-Bayān fī 'Add Āy al-Qur'ān. *Markaz al-Makhṭūṭāt wa al-Turāth*.
- Al-Ghazālī, A. H. M. b. M. b. M. (2020). Ihya' 'Ulūm al-Dīn. Dimasyq: *Dār al-Faiḥā* '.
- Al-Khālīdī, H. b. Ṣ., & al-Khālīdī, Ṣ. ' . a.-F. (2020). Al-Madkhal Ilā 'Ilm al-Tafsīr fī Uṣūl al-Tafsīr wa Manāḥij al-Mufasssīrīn. *Dār al-Nafā' is*.
- Al-Khālīdī, Ṣ. ' . a.-F. (2003). Mafātīḥ Li al-Ta'āmul Ma' al-Qur'ān. *Dār al-Qalam* - Dimasyq.
- Al-Qāsim bin Sallām, A. ' . (1995). Faḍā'il al-Qur'ān. *Dār Ibn Kathīr*.
- Al-Qaṭṭān, M. (2014). Mabāḥith Fī 'Ulūm al-Qur'ān. Beirut - Lubnan: *Mu'assasah al-Risālah*.
- Al-Quḍāt, M. A. M., Shukrī, A. K., & Maṣṣūr, M. K. (2001). Muqaddimāt fī 'Ilm al-Qirā'āt. *Dār 'Ammār*.
- Al-Qurṭubī, A. ' . M. b. A. a.-A. (1964). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah
- Al-Ṭabarī, A. J. M. b. J. (2001). *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Dār al-Hijr.
- Al-Ṭayyār, M. b. S. b. N. (2002). Fuṣūl fī 'Uṣūl al-Tafsīr. *Dār Ibn Jauzī*.
- Al-Zurqānī, M. ' . a. (2015). Manāḥil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān. Kaherah: *Dār al-Salām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah*.
- Aupers, S., & Houtman, D. (2006). Beyond the Spiritual Supermarket: The Social and Public Significance of New Age Spirituality. *Journal of Contemporary Religion*, 21(2), 201–222.
- Ghazali, M. F., & Adnan, M. F. (2023). Garis Panduan Penggunaan Tiktok: Satu Analisis Fiqh. *JURNAL YADIM : International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 2(1), 1 - 16.
- Hanegraaff, W. J. (1996). New Age Religion and Western Culture: Esotericism in the Mirror of Secular Thought. Leiden: Brill.
- Hashim, R. (2021). Digital Religion in Malaysia: Between Popular Islam and Alternative Spiritualities. *Journal of Islamic Studies*, 32(3), 289–310
- Heelas, P. (1993). The New Age Movement: The Celebration of the Self and the Sacralization of Modernity. *Sociology*, 27(2), 277–294.
- Howell, J. D. (2005). Muslims, the New Age and Marginal Religions in Indonesia: Changing Meanings of Religious Pluralism. *Social Compass*, 52(4), 473–493
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, A. b. ' . (1960). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ismail, H. b., Mohd Ali, A. N. b., & Abdul Halim, N. H. b. (2021). Amalan Garpu Tala Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis. *Nadwah Ulama' Nusantara (NUN)*, IX(-), 1 - 10. https://dl1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/85438831/AMALAN_GARPU_TALA_MENURUT_PERSPEKTIF_AL_QURAN_DAN_HADIS-libre.pdf?1651615361=&response-contentdisposition=inline%3B+filename%3DAMALAN_GARPU_TALA_MENURUT_PERSPEKTIF_AL.pdf&Expires=1754986449&Signature=QITJ7IVT.-
- Jusoh, M. R. (2021). Fawāṣil al-Qur'ān al-Karīm & Waqaf Nabi SAW. *Pustaka Khodim Al Mushaf*.
- Kamarudin, N., & Musa, R. (2019). The Commodification of Spirituality in Malaysia: An Islamic Perspective. *Jurnal Syariah*, 27(2), 211–230
- Levin, J. (2022). New Age Healing and its Cultural Implications. *Journal of Religion and Health*, 61(3), 1852–1871
- Longstaff, A. (2005). Calendars from around the world. Greenwich: *National Maritime Museum*. <https://multifaiths.com/pdf/calendarshistory.pdf>

- Makkī bin Abī Tālīb, A. M. (2008). Al-Hidāyah Ilā Bulūgh al-Nihāyah. *Majmū'ah Buḥūth al-Kitāb wa al-Sunnah*.
- Marzuki, N. N. A., & Ahmad, M. N. (2023). Analisis Kaedah Pentafsiran Syeikh Abdullah Basmeih Terhadap Ayat Mutasyabihat al-Sifat [Analysis of Sheikh Abdullah Basmeih's Method of Interpretation of the Mutasyabihat Verse of Allah Attributes]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 78-91.
- O'Neil, D. J. (2001). The New Age Movement and its Societal Implications. *International Journal of Social Economics*, 28(11), 900–918
- Rahim, F. (2020). New Age Spirituality and Muslim Societies: Challenges and Adaptations. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 55–66.
- Shaharizan, A. A. b., & Zainol, N. Z. N. (2024). Analisis Penggunaan Platform Sosial Media Bagi Penyebaran Ilmu Islam: Kajian Kes. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(2), 38 - 46.
- Sutcliffe, S. J., & Gilhus, I. S. (2013). *New Age Spirituality: Rethinking Religion*. Durham: Acumen.
- Zakaria, M., & Ibrahim, H. (2021). Syncretism and Religious Manipulation in Digital Platforms: A Malaysian Context. *Al-Shajarah: Journal of Islamic Thought and Civilization*, 26(2), 325–348